

Jawapan Latihan Tatabahasa

Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan tersebut dan tulis jawapan pada ruang yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Berkat dorongan dan sokongan **kedua** ibu bapanya, Amira telah berjaya menempa nama dalam bidang perniagaan. **kedua-dua**
2. Setiap petang, Puan Asmah menjual **goreng keledak** di hadapan rumahnya. **keledak goreng**
3. Konsert itu dibatalkan **oleh kerana** tidak mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan. **oleh sebab**
4. **Lain-lain hal** yang berbangkit akan dibincangkan kemudian. **Hal-hal lain**
5. Farha menangis teresak-esak **bila** diberitahu tentang berita yang sedih itu. **apabila**
6. Syafiq **marahkan** abangnya yang sudah dua tahun tidak pulang ke kampung. **marah akan**
7. Sudah **berminggu** saya tidak bersua muka dengan anak Pak Hilal itu. **berminggu-minggu**
8. **Berbagai jenis** pakaian yang dipamerkan di Pameran Busana Tradisional Melayu tempoh hari. **Berbagai-bagai / Pelbagai**
9. Keropok lekor itu sangat sedap sekali apabila dimakan dengan **cili sos**. **sos cili**
10. **Semua peserta-peserta** seminar itu diminta berkumpul di dewan utama seawal pukul 8.00 pagi. **Semua peserta**
11. Manisha sangat suka akan biskut yang **ibunya bakar**. **dibakar oleh ibunya**
12. Sikap **saling bantu-membantu** wajar dipraktikkan dalam masyarakat. **saling membantu / bantu-membantu**